

Sekolah-Sekolah Pencapaian Lulus 100% Bahasa Melayu SPM 2019 Berkongsi Kejayaan



Labuan, 18 Ogos – Pasukan Task Force Bahasa Melayu SPM Jabatan Pendidikan WP Labuan telah memberi ruang kepada sekolah-sekolah yang mencapai kejayaan lulus 100% SPM 2019 berkongsi pengalaman dalam satu perjumpaan pada **17 Ogos 2020** bertempat di Bilik Mesyuarat SMK Pantai.

Guru-guru yang kini mengajar Tingkatan 5 tahun 2020 dari sekolah SM St Anne, SM St Anthony, SMK TP Bedaun, SMK Rancha-Rancha dan SM Sains telah berkongsi intervensi dan pengalaman suka duka mereka membimbing murid sehingga ke minit-minit terakhir sebelum anak-anak murid tersayang masuk ke dewan peperiksaan.

Banyak inovasi dan intervensi yang boleh dijadikan rujukan dan juga diaplikasikan mengikut kesesuaian oleh sekolah-sekolah lain.

Turut hadir sama dalam majlis perkongsian ini ialah

Pengerusi Bersama Task Force Bahasa Melayu iaitu Puan Norazita Md Nor (Pengetua SMK Pantai) dan En Yahya Ahmad Puteh (Pengtua SMKRR), Puan Amiah binti Bua, Ketua Penolong Pengarah Bahasa serta Puan Hjh Siti Zahara Mohamad, SISC+ dari Sektor Pembelajaran JPWPL.



Encik Yahya sedang memberi suntikan semangat kepada para guru-guru

Dalam ucapan penyuntik semangat, En Yahya Ahmad Puteh menekankan usaha serta komitmen tinggi semua pihak.

“Task Force Bahasa Melayu ini sangat bernilai kerana ia akan menjadi salah satu pencetus & penentu Layak Sijil anak-anak murid kita bagi SPM 2020”

Apa yang dapat dirumuskan dari sesi perkongsian ini, perkara paling utama ialah sentuhan dari hati ke hati guru kepada murid, motivasi pengetua kepada guru dan pemberian ganjaran yang akhirnya berjaya membakar semangat untuk lulus dalam peperiksaan.

Perkongsian ini juga berjaya menanam semangat juang dalam diri guru-guru khususnya Guru-guru Bahasa Melayu. Semoga SPM 2020 akan membawa kejayaan lulus 100% bagi semua sekolah di WP Labuan. Usaha tangga kejayaan.

Berita Oleh : Sektor Pembelajaran